

RUJ. KAMI (OUR REF)
RUJ. TUAN (YOUR REF)

UMP.02.01/10.12/2/1 (01)

23 Julai 2013

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PERMOHONAN CUTI PERISTIWA PADA 7 OGOS 2013 (RABU) SEMPENA HARI RAYA
PUASA (1434 HIJRAH)**

Dengan hormatnya saya di arah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali Ke-71 Bil. 12/2012 pada 12 Disember 2012 telah bersetuju melaksanakan cuti rehat wajib (peristiwa) pada 7 Ogos 2013 (Rabu) iaitu sehari sebelum cuti umum Hari Raya Puasa (1434 Hijrah) yang dijangka sambutan pada 8 Ogos 2013 (Khamis) dan 9 Ogos 2013 (Jumaat). Pemakluman berhubung Dasar Cuti Peristiwa Hubung-kaitan Cuti Umum Tahun 2013 telah diedarkan dalam Surat Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 1 Tahun 2013 bertarikh 2 Januari 2013.

3. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan adalah dikehendaki memastikan staf membuat permohonan cuti rehat bagi tarikh **7 Ogos 2013 (Rabu)** melalui *e-Community>staff management>personal>leave*. Cuti tersebut akan diambil kira daripada kelayakan cuti rehat tahunan staf. Walau bagaimanapun, staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan keselamatan ataupun diarahkan bertugas pada hari berkenaan atas faktor kepentingan perkhidmatan universiti adalah diberi pengecualian.

Sekian, harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k.:

Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

MIM/SBI/MI
D:Pekeliling/SuratPekeliling/SuratEdaran1/2013